

# MANFAATKAN BAKAT MUDA

Kerjasama 2 organisasi babitkan perkongsian eksekutif kanan Mondelez sumbang masa, kepakaran

## RENCANA

Nor Hanisah Kamaruzaman  
rencana@hmetro.com.my

Kumpulan peneraju makanan snek global terkemuka Mondelez Malaysia (Mondelez) mengumumkan kerjasama sulung bersama pertubuhan belia tidak berasaskan keuntungan, AIESEC Malaysia (AIESEC).

Pengeluar jenama produk terkemuka seperti Cadbury Dairy Milk, Oreo, Chipmores, belVita Breakfast Biscuits, Jacob's, Tiger Biskuat, dan Twisties melihat inisiatif terbaru itu sebagai langkah strategik memanfaatkan bakat muda secara efisien bagi pertumbuhan perniagaan mampan.

Kolaborasi selama setahun itu turut membabitkan perkongsian eksekutif kanan Mondelez termasuk Pengarah Urusan Mondelez Malaysia Swadheen Sharma, yang bakal menyumbang masa serta kepakaran menerusi sesi bicara santai dengan ahli AIESEC.

Pemimpin atasan Mondelez bukan saja berkongsi pengalaman malah turut memberi nasihat peribadi berkenaan kemahiran yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek perniagaan termasuk pengurusan, jualan, kewangan dan sumber manusia.

Swadheen berkata, kerjasama dengan AIESEC menepati model pembangunan insan bagi syarikat yang mengamalkan nisbah prinsip pembelajaran 70-20-10.

"Kerjasama dengan AIESEC menyokong usaha kami serta apa yang kami percaya sebagai faktor kejayaan dalam pembangunan modal insan syarikat.

"Seseorang perlu bersemangat dan sentiasa bersikap ingin tahu jika mereka ingin berjaya di Mondelez. Ini kerana hanya 10 peratus daripada usaha



AHLI Jawatankuasa AIESEC bersama Swadheen selepas majlis pelancaran yang berlangsung di Dewan Putra 2, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, baru-baru ini.

setiap anggota menerusi peluang kerja sukarela antarabangsa dan latihan sambil belajar.

"Kerjasama dengan Mondelez bakal menambah satu lagi dimensi kepada usaha kami dalam meningkatkan kemahiran kepemimpinan ahli," katanya.

Inisiatif Mondelez dalam membangunkan bakat generasi muda turut diterjemahkan melalui penganjuran program graduan yang dipanggil iTaste.

Program berkenaan bermatlamat menarik minat individu cemerlang yang menonjolkan kemahiran dan ciri kepemimpinan.

Program berlangsung selama 12 bulan itu dibuat untuk memupuk bakat graduan yang berkebolehan menerusi pembelajaran dunia nyata selain mendedahkan fungsi dan operasi perniagaan syarikat.

pertumbuhan perniagaan. "Pekerja adalah nadi syarikat dan salah satu fokus utama kami adalah untuk membawa masuk pekerja yang sesuai, meningkatkan kemahiran selain menyediakan peluang sewajarnya supaya mereka berjaya.

"Kami percaya kerjasama dengan AIESEC mampu mengukuhkan usaha untuk meningkatkan nilai warga kerja kami,"

katanya.

Pengarah Urusan AIESEC Malaysia John Lau Chun Kuang berkata, pihaknya berbesar hati melihat syarikat antarabangsa komited dan bersungguh membangunkan bakat muda.

"Kami sentiasa mencari peluang untuk menyediakan pengalaman pembangunan kepemimpinan kepada



SWADHEEN (kiri) bersama Lau dan ahli AIESEC lain selepas majlis pelancaran kerjasama antara dua organisasi.

pembelajaran datangnye daripada latihan formal dan program berkualiti tinggi.

"Warga kerja seterusnya menerima sokongan 20 peratus daripada latihan dan mentor manakala 70 peratus lagi datang daripada pengalaman semasa kerja serta pembelajaran daripada kesilapan," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran kerjasama dengan AIESEC di Dewan Putra 2, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, baru-baru ini.

Katanya lagi, pelaburan modal insan adalah elemen penting dalam memacu



AIESEC Malaysia menyambut baik usaha syarikat Mondelez dalam membangunkan bakat muda.